

**01/12/2015 - Majlis Khidmat Bakti Bil 2/ 2015**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Haji Ahmad Phesal bin Haji Talib, Wakil pesara-pesara kanan penjawat awam yang diraikan dan

YBhg. Puan Sri Hajah Che Zu binti Zakaria,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dan  
YBhg. Puan Sri Asmahan binti Ismail,

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara dan YBhg. Puan Sri Datin Setia Hajah Hindon binti Yusoff

YBhg. Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri dan Datin Sri - Datin Sri, Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu di dalam majlis pada hari ini. Sesungguhnya majlis pada malam ini adalah bagi meraikan rakan-rakan dalam kalangan pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam yang akan bersara, yang telah bersara atau tamat lantikan kontrak dalam kerajaan. Saya bagi pihak kerajaan dan perkhidmatan awam,

ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti hadirin sekalian kepada perkhidmatan awam dan negara.

## PENYESUAIAN HIDUP SELEPAS BERSARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Persaraan merupakan satu fasa perubahan dalam kehidupan di mana ia memerlukan proses penyesuaian dan adaptasi yang perlu dilakukan. Ianya pasti akan ditempuhi oleh setiap individu bekerja malah turut memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada insan sekeliling kita. Persaraan bukanlah satu noktah pengakhiran, sebaliknya ia merupakan satu episod peralihan dalam hidup yang membuka lembaran baru yang cenderung memberi kesan ke atas kesejahteraan psikologi.

3. Kesan psikologi misalnya mengalami perasaan kehilangan rakan, status mahupun identiti diri boleh menjejaskan kualiti kehidupan selepas persaraan. Terdapat juga sebilangan yang mengadu kehilangan “sense of oneself” dan memerlukan tempoh penyesuaian kepada diri mereka. Malah, banyak penemuan kajian psikologi mendapati persaraan juga memberi kesan traumatik yang tidak boleh dijangkakan berikutan perubahan masa dan rutin seharian.

4. Namun begitu, saya percaya hadirin sekalian telah bersedia daripada segi mental dan fizikal bagi menempuhi fasa baharu ini. Sudah pasti, pelbagai agenda telah dirancang dan bersesuaian dengan matlamat dan kecenderungan diri hadirin sekalian. Saya pasti, ada yang akan terus bersemangat untuk bekerja, malah ada yang akan menumpukan perhatian kepada keluarga, mendalami ilmu-ilmu agama atau memberi sumbangan kepada masyarakat dan komuniti setempat. Saya berharap, apapun jua pendekatan atau keputusan yang diambil, fokus atau aspek kesihatan tidak seharusnya dipandang ringan malah perlu diberi perhatian yang serius.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Menyentuh mengenai penjagaan kesihatan, saya berharap hadirin sekalian dapat meningkatkan tahap kesihatan diri dan juga keluarga melalui aktiviti dan amalan cara hidup yang sihat. Sesungguhnya, kita seharusnya bersyukur dan bertuah, kerana kerajaan pada hari ini telah menyediakan pelbagai prasarana kepada rakyat untuk tujuan riadah dan aktiviti-aktiviti kecergasan. Kita ambil contoh di Putrajaya sahaja, begitu banyak sekali tempat-tempat riadah yang disediakan seperti Taman Botani, Taman Saujana Hijau dan sebagainya.

6. Aktiviti dan program kesukarelawanan mahupun kemasyarakatan juga merupakan salah satu aspek yang perlu difikirkan oleh setiap warga pesara. Kajian psikologi menunjukkan penglibatan pesara dalam aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan dapat meningkatkan 'feelings of purpose and meaning in life'. Penglibatan dengan aktiviti dan program seumpama ini, bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi dan kesihatan diri malah secara tidak langsung dapat mengembangkan hobi dan minat yang terpendam.

7. Warga pesara juga perlu bangkit dan membuktikan bahawa persaraan bukan bermakna malapnya masa hadapan atau tamatnya era kesejahteraan hidup, malah persaraan sebenarnya membuka lembaran baharu ke arah kehidupan yang baharu. Oleh yang demikian, saya menyeru agar setiap pesara dapat bergiat aktif di dalam aktiviti dan program kemasyarakatan atau kesukarelawanan di komuniti masing-masing. Warga pesara seharusnya dilihat sebagai salah satu sumber yang masih produktif, aktif dan mampu menyumbang kepada pembangunan komuniti dan negara.

#### INISIATIF DAN PROGRAM KERAJAAN KEPADA PESARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kerajaan juga memahami dan menyedari bahawa pesara merupakan aset yang memerlukan perhatian, penghargaan dan penjagaan kebajikan secara berterusan bagi memastikan kelangsungan produktiviti kepada masyarakat dan negara. Untuk makluman semua, bilangan pesara kerajaan termasuk penerima pencen sehingga Julai 2015 adalah

berjumlah lebih daripada 700 ribu orang dan dijangka seramai 40 ribu orang akan bersara pada tahun 2016.

9. Menyedari hakikat dan jumlah tersebut, pelbagai inisiatif-inisiatif telah dirangka sejajar dengan strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS bagi membantu pesara untuk terus kekal aktif dan produktif serta mampu untuk menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan negara. Dengan adanya platform NBOS, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam dan 1M4U (1Malaysia for Youth) telah melancarkan Program Sukarelawan Seniors pada Ogos 2015 yang lalu. Inisiatif ini, adalah sebagai landasan kepada warga pesara untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program dan aktiviti kesukarelawanan bagi membolehkan mereka menyumbangkan semula tenaga, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki kepada komuniti, masyarakat dan negara.

10. Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Program keusahawanan 1Malaysia Entrepreneur atau 1MET yang diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Program 1MET memfokuskan Business Assessing Tool yang dikenali sebagai Business Model Canvas (BMC) kepada golongan pesara yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan yang sebelum ini hanya ditawarkan kepada bakal usahawan golongan belia.

11. Business Model Canvas ini merupakan kaedah atau tool yang dibangunkan bagi menilai bakat dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang dan bagaimanakah ia boleh dipasarkan bagi tujuan yang lebih komersial. Inisiatif-inisiatif yang telah diwujudkan seumpama ini, menggambarkan keprihatinan kerajaan dalam menyediakan satu perkhidmatan yang holistik kepada pesara penjawat awam. Fokus perkhidmatan yang ditawarkan juga adalah mengambilkira keperluan pesara seperti penjagaan kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan pesara, pengurusan kewangan dan keusahawanan.

PERKONGSIAN ILMU DAN PANDANGAN SECARA KONSTRUKTIF

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sesungguhnya, banyak kenangan yang indah, pahit dan manis yang telah dicoretkan sepanjang berkhidmat di dalam perkhidmatan awam. Tempoh yang panjang dalam perkhidmatan awam, rata-rata melebihi 30 tahun telahpun membentuk keperibadian dan identiti diri tersendiri sebagai seorang penjawat awam.

13. Saya percaya, pengalaman dan kenangan seumpama ini tidak dapat dibeli atau disamakan dengan mana-mana individu yang lain. Ianya merupakan pencapaian peribadi yang perlu dibanggakan mahupun dikongsi sebagai panduan dan teladan generasi penjawat awam yang akan datang. Saya menyeru, agar segala perkongsian pengalaman dan kepakaran ini dapat diadakan secara muhibah dan melalui pendekatan yang betul dan tepat. Ini adalah kerana, sekiranya kepakaran dan perkongsian ini tidak disalurkan melalui landasan yang betul, ia secara tidak langsung akan mencalarkan nama dan imej perkhidmatan awam. Saya amat berharap agar tahap kesejahteraan ini perlu dikekalkan sebaiknya sehinggalah ke akhir hayat kita.

14. Dalam mana-mana kerajaan di dunia, pasti terdapat kekurangan. Dalam hal ini, perkhidmatan awam Malaysia juga tidak terkecuali. Oleh yang demikian, para pesara yang mempunyai peluang yang lebih banyak untuk mendampingi rakyat, pasti mempunyai pelbagai pandangan dan cadangan yang boleh disalurkan kepada Kerajaan. Saya berharap walaupun sudah bersara, hadirin sekalian tidak lupa akan cabaran-cabaran yang dihadapi semasa berkhidmat di dalam perkhidmatan awam. Dengan itu, hadirin sekalian dapat memahami kekurangan dalam sektor perkhidmatan awam dan memperjelaskan kepada rakyat disebalik usaha Kerajaan untuk mengatasi kekurangan yang ada.

15. Semoga, imej dan nama baik perkhidmatan awam akan terus disanjung, malah budi dan jasa hadirin sekalian akan terus dikenang.

## PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sekali lagi, saya mewakili pihak Kerajaan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jasa dan khidmat bakti hadirin sekalian dalam memaju dan menjayakan

agenda perkhidmatan awam. Sumbangan tenaga, idea dan titik peluh yang telah dicurahkan pastinya akan terus dikenang dan semoga persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan ini akan terus berkekalan. Semoga tuan-tuan dan puan-puan terus dikurniakan oleh Allah SWT dengan kehidupan yang sejahtera, rezeki yang berpanjangan dan sebagai ingatan, kesenangan dan kekayaan yang utama dalam kehidupan adalah kesihatan.

17. Akhir kata, “retirement, is a journey and not a destination. You are never too old to set another goal or to dream a new dream”. Selamat Bersara dan semoga majlis pada malam ini akan menjadi kenangan yang manis buat kita semua.

Bila memandang ke muka laut,  
Nampak sampan mudik ke hulu;  
Bila terkenang mula menyebut,  
Budi yang baik ingat selalu.

Kuning emas masakny padi,  
Mawar merah dalam jambangan;  
Terima kasih daun keladi,  
Budi tuan, puan jadi kenangan.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2039>